

**NO. SOALAN: 363**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB BUKAN LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATO' DR. NIK MAZIAN BIN NIK  
MOHAMAD [ PASIR PUTEH ]**

**RUJUKAN : 9448**

**SOALAN:**

**DATO' DR. NIK MAZIAN BIN NIK MOHAMAD [ PASIR PUTEH ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan statistik penyalahgunaan dadah daripada 1999 sehingga sekarang. Apakah strategi terbaru yang diambil Kerajaan untuk mengatasi gejala dadah ini.

**JAWAPAN:**

**Statistik penagih dadah dari tahun 1999 hingga 2015 adalah seperti berikut:**

| <b>TAHUN</b> | <b>JUMLAH</b> |
|--------------|---------------|
| <b>1999</b>  | <b>35,359</b> |
| <b>2000</b>  | <b>30,593</b> |
| <b>2001</b>  | <b>31,556</b> |
| <b>2002</b>  | <b>31,893</b> |
| <b>2003</b>  | <b>36,996</b> |
| <b>2004</b>  | <b>38,672</b> |
| <b>2005</b>  | <b>32,808</b> |
| <b>2006</b>  | <b>22,811</b> |
| <b>2007</b>  | <b>14,489</b> |
| <b>2008</b>  | <b>12,352</b> |
| <b>2009</b>  | <b>15,736</b> |
| <b>2010</b>  | <b>23,642</b> |
| <b>2011</b>  | <b>19,531</b> |
| <b>2012</b>  | <b>15,101</b> |
| <b>2013</b>  | <b>20,887</b> |
| <b>2014</b>  | <b>21,777</b> |
| <b>2015</b>  | <b>26,668</b> |

**Pada 28 Februari 2016, YAB Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Dalam Negeri semasa Majlis Perasmian Hari Antidadah Peringkat Kebangsaan yang diadakan di Lawas, Sarawak telah mengisytiharkan tahun 2016 sebagai tahun memerangi dadah secara habis-habisan.**

**Selaras dengan pengumuman tersebut, Kementerian Dalam Negeri melalui Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) telah menggerakkan program Perangi Dadah Habis-habisan (PDH) yang merupakan strategi terbaru Kerajaan untuk menangani masalah dadah. Matlamat utama PDH adalah untuk membersihkan sebanyak 178 buah kawasan berisiko di seluruh negara secara berperingkat daripada segi penawaran dan permintaan dadah, dengan memberi fokus kepada:**

- a) pembersihan menyeluruh di 14 buah kawasan paling berisiko yang telah dipilih sebagai *focal point* di setiap negeri dan projek rintis bagi menilai keberkesanan strategi dan program PDH;**
- b) pelaksanaan 6 program dan sekurang-kurangnya 29 aktiviti utama di bawah PDH;**
- c) 3 buah kawasan sasaran utama iaitu kawasan nelayan, penempatan tanah rancangan (FELDA dan FELCRA) dan Projek Perumahan Rakyat (PPR); dan**

- d) meningkatkan kerjasama dan penglibatan pelbagai agensi pelaksana dan komuniti setempat dalam PDH sebagai perancang, penggerak dan pemilikhak (*ownership*) dalam setiap program dan aktiviti pendidikan pencegahan, rawatan dan pemulihan dadah dan penguatkuasaan dadah.

Pendekatan dan strategi PDH ialah menggerakkan agensi-agensi kerajaan, swasta, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan komuniti secara bersama dalam memerangi dadah bagi mengurangkan penawaran dan permintaan dadah. Pendekatan-pendekatan ini dilaksanakan melalui tiga strategi teras iaitu pendidikan pencegahan, rawatan dan pemulihan, dan penguatkuasaan dadah.